



4 Jun 2014
4 June 2014
P.U. (A) 151

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING
(UDARA BERSIH) 2014

*ENVIRONMENTAL QUALITY (CLEAN AIR)
REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (UDARA BERSIH) 2014

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Pemakaian
4. Kewajipan untuk mematuhi
5. Kewajipan untuk memberitahu
6. Langkah untuk mengurangkan pengeluaran
7. Sistem kawalan pencemaran udara
8. Kegagalan dalam pengendalian sistem kawalan pencemaran udara
9. Pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara
10. Penyenggaraan rekod
11. Perubahan dalam penghunian
12. Kelegapan
13. Nilai batas dan standard teknikal
14. Larangan mengenai pencairan pengeluaran
15. Bahan berbahaya
16. Pemantauan berkala
17. Pemantauan pengeluaran secara berterusan
18. Perisytiharan pengeluaran
19. Pemunya atau penduduk premis hendaklah memberikan bantuan
20. Kegagalan peralatan kawalan dan kehendak kecemasan
21. Pengeluaran yang tidak disengajakan
22. Pemasangan dan pengendalian mengikut kehendak Ketua Pengarah
23. Kaedah standard bagi pengambilan sampel dan penganalisan pengeluaran
24. Perintah larangan
25. Keperluan lesen untuk melanggar syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran pencemar ke udara

Peraturan

26. Jadual tindakan yang dikehendaki
27. Fi
28. Maklumat yang palsu atau mengelirukan
29. Penalti
30. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (UDARA BERSIH) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21 dan 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri, setelah berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“amalan kejuruteraan yang menyeluruh” ertinya cara pengoperasian sistem kawalan pencemaran udara di mana ciri-ciri pengoperasian disenggara dalam julat nilai yang diterima sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

“bahanapi pepejal” ertinya apa-apa pepejal mudah terbakar seperti arang antrasit atau separa antrasit, kok, arang, kayu, balak, papan, ranting buah-buahan, isirong, tempurung, pangkasan tumbuhan atau apa-apa hasil sampingan pepejal daripada suatu proses pengilangan yang boleh menggantikan mana-mana bahanapi tersebut;

“Carta Ringelmann” ertinya skala Ringelmann untuk menggred ketumpatan asap yang diterbitkan oleh Piawaian British yang terkini dalam siri BS 2742 atau Piawaian Malaysia yang setara, atau apa-apa carta, alat pencatat, alat penunjuk atau alat untuk mengukur ketumpatan asap yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sebagai setara dengan skala Ringelmann tersebut;

“cerobong” termasuklah apa-apa struktur, pembukaan, liang, corong, konduit, aliran keluar atau apa-apa struktur yang dibina atau disusun yang mana daripada atau melaluinya pencemar udara boleh keluar, dan apa-apa sebutan mengenai cerobong yang digunakan oleh keseluruhan atau sebahagian daripada kemudahan itu walaupun terasing secara strukturnya daripada kemudahan atau bangunan tersebut;

“dandang” ertinya apa-apa alat yang di dalamnya bagi apa-apa kegunaan air atau cecair lain dipanaskan dengan apa-apa bahan mudah terbakar;

“dioksin” ertinya dibenzo-para-dioksin terpoliklorin yang merupakan sebatian trisiklik, aromatik yang terbentuk daripada dua gelang benzena yang dihubungkan dengan dua atom oksigen dan atom hidrogen yang boleh diganti dengan sehingga lapan atom klorin;

“furan” ertinya dibenzofuran terpoliklorin yang merupakan sebatian trisiklik, aromatik yang terbentuk daripada dua gelang benzena yang dihubungkan dengan satu atom oksigen, satu ikatan karbon-karbon dan atom hidrogen yang boleh diganti dengan sehingga lapan atom klorin;

“jurutera profesional” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];

“kawasan kediaman” ertinya kawasan yang ditetapkan sebagai zon kediaman yang mempunyai sempadan yang ditandakan dengan jelas sebagaimana yang dinyatakan dan dipaparkan dalam warta pelan tempatan yang disediakan oleh pihak berkuasa perancangan tempatan yang sewajarnya di bawah Bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], dalam hal Sabah Ordinan Perancang Bandar dan Desa [*Sabah Bab 141*] dan dalam hal Sarawak Kanun Tanah Sarawak [*Bab 81*] atau, jika tiada warta pelan tempatan sedemikian, suatu estet perumahan atau suatu kawasan yang terletak dalam jarak 1000 meter daripada tempat kediaman terdekat;

“keadaan permulaan” ertinya tempoh sebelum proses pengeluaran sebenar;

“lukisan sebagaimana binaan” ertinya apa-apa lukisan kejuruteraan yang menunjukkan kedudukan kemudahan sebagaimana yang diukur setelah sesuatu kerja disiapkan;

“makmal yang bertauliah” ertinya makmal yang menunjukkan kekompetenan untuk melaksanakan ujian, pengukuran atau penentukuran tertentu mengikut ISO/IEC 17025 atau mana-mana skim lain yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah;

“nilai ambang” ertinya kapasiti minimum sesuatu kemudahan atau proses;

“nilai batas” ertinya kuantiti bahan yang dinyatakan dalam terma parameter tertentu, kepekatan atau paras spesifik yang tertentu yang tidak boleh dilebihi sepanjang pengendalian biasa;

“pelan tempatan” dan “pihak berkuasa perancangan tempatan” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepadanya masing-masing dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, dalam hal Sabah Ordinan Perancang Bandar dan Desa [*Sabah Bab 141*] dan dalam hal Sarawak Kanun Tanah Sarawak [*Bab 81*];

“pemantauan prestasi” ertinya pemantauan rutin ciri-ciri tertentu bagi menunjukkan bahawa sistem kawalan pencemaran udara berfungsi dan berupaya untuk merawat pengeluaran yang dijanakan;

“pembakar” ertinya apa-apa alat, radas, peralatan atau struktur yang digunakan untuk memusnah, mengurang atau menyelamat atau memulih haba sisa melalui perapian atau pembakaran apa-apa benda atau bahan termasuk bahan buangan, sampah sarap, kekotoran, sisa pertanian, sisa dagangan, serpihan atau sekerap atau sesuatu kemudahan untuk membakar bangkai haiwan;

“pencemar udara” ertinya asap, sisa bara, habuk pepejal daripada apa-apa jenis, gas, wasap, kabus, bau-bauan dan bahan radioaktif atau apa-apa bahan lain yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* sebagai pencemar udara bagi maksud Peraturan-Peraturan ini;

“pengendalian biasa” ertinya keseluruhan tempoh pengendalian kecuali semasa permulaan dan pemberhentian pengendalian dan penyelenggaraan peralatan;

“peralatan pembakaran bahanapi” ertinya apa-apa relau, dandang, pendiang, ketuhar, retort, enjin pembakaran dalaman, bekas, atau apa-apa perkakas, alat, mekanisme, serombong, cerobong atau struktur lain yang digunakan berkaitan dengan pembakaran apa-apa bahan mudah terbakar;

“perubahan dalam pengendalian” ertinya perubahan dalam sifat atau fungsi, atau suatu pelanjutan pemasangan yang mempunyai kesan terhadap alam sekeliling;

“premis baru” ertinya premis yang dibeli atau diperoleh pada atau selepas tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa;

“premis sedia ada” ertinya premis yang telah sedia ada atau yang telah beroperasi sebelum tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa, atau kemudahan yang diberi kebenaran atau yang pada pendapat Ketua Pengarah merupakan subjek suatu permohonan bagi kebenaran, dengan syarat bahawa kemudahan tersebut mula beroperasi tidak lebih daripada satu tahun selepas tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa;

“proses” ertinya apa-apa tindakan, pengendalian, penukaran atau perawatan yang meliputi faktor, kaedah atau bentuk kimia, perindustrian, pengilangan atau pemprosesan, termasuklah relau, ketuhar, retort, cerek, penukar, kubah kecil, tanur, mangkuk pijar, tempat penyulingan, alat pengering, pemanggang, turas pengasingan, dandang balik, turus, penjenis, penyaring, pemadan, dapur, alat pencerna, menara, pencuci, penggahar, kilang, pemeluap atau penyerap;

“purata masa” ertinya tempoh masa yang dalamnya kepekatan pencemaran udara dipukul rata bagi maksud menentukan pencapaian standard pengeluaran dengan menggunakan Sistem Pemantauan Pengeluaran Secara Berterusan (CEMS). Tempoh sub-purata untuk menentukan purata setengah jam adalah purata 1 minit. Purata setengah jam yang sah hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 22 data

sub-purata dalam tempoh setengah jam (75%). Purata 1 minit yang sah hendaklah mengandungi bacaan data yang sah yang merupakan mana-mana 45 saat bagi tempoh 1 minit sebelumnya;

“relau” ertinya apa-apa kebuk, selain daripada dandang, yang di dalamnya pembakaran berlaku;

“Sebatian Organik Meruap Bukan Metana” atau “NMVOC” ertinya sesuatu sebatian yang terdiri daripada semua sebatian organik kecuali metana yang pada 273 K menunjukkan tekanan wap pada sekurang-kurangnya 101.3 kPa atau yang menunjukkan kemeruapan yang setanding di bawah keadaan pemakaian yang sama;

“sistem kawalan pencemaran udara” ertinya apa-apa kemudahan yang direka bentuk dan dibina untuk tujuan menghalang atau mengurangkan potensi pengeluaran yang menyebabkan pencemaran udara, dan termasuklah sistem penyedutan, peralatan kawalan dan cerobong;

“Teknik Terbaik Yang Ada Yang Boleh Dicapai Dengan Hemat” ertinya kaedah yang berkesan dalam mencegah pencemaran dan, di mana kaedah itu tidak boleh dipraktikkan, secara umumnya mengurangkan pengeluaran ke udara daripada aktiviti perindustrian dan kesannya terhadap alam sekeliling secara keseluruhannya.

Pemakaian

3. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) mana-mana premis yang digunakan bagi apa-apa maksud perindustrian atau perniagaan, atau di mana bahan dibakar berkaitan dengan apa-apa maksud perindustrian atau perniagaan, termasuk pembakaran bahan buangan, tidak kira sama ada premis itu ditetapkan di bawah seksyen 18 Akta;
- (b) mana-mana premis atau proses lain yang melepaskan atau yang berupaya melepaskan pencemar udara ke ruang udara bebas;

- (c) mana-mana loji perindustrian; dan
- (d) mana-mana peralatan pembakaran bahanapi.

Kewajipan untuk mematuhi

4. (1) Pemunya atau penduduk suatu premis baru hendaklah mematuhi nilai batas dan standard teknikal yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pemunya tiap-tiap premis sedia ada, termasuk premis yang tidak tertakluk kepada apa-apa syarat tentang nilai batas bagi pencemar udara sama ada bagi lesen yang dikeluarkan atau kebenaran yang diberikan untuk pengendalian kemudahan yang sedia ada, hendaklah, pada atau sebelum habis tempoh lima tahun daripada tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa, mengambil langkah yang perlu untuk mematuhi kelegapan dan nilai batas yang ditetapkan dalam peraturan 12 dan 13.

(3) Walau apapun subperaturan (2), jika terdapat aduan yang berasas atau bukti mengenai gangguan, dan pada pendapat Ketua Pengarah pematuhan dengan peraturan 12 dan 13 perlu dipercepatkan, Ketua Pengarah boleh menyerahkan pada pemunya atau penduduk premis sedia ada itu suatu notis secara bertulis bagi menghendaki pematuhan dalam jangka masa semunasabahnya yang lebih pendek sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Kewajipan untuk memberitahu

5. (1) Pemunya atau penduduk sesuatu premis tidak boleh, tanpa memberi pemberitahuan bertulis terdahulu sebelumnya kepada Ketua Pengarah—

- (a) menjalankan apa-apa perubahan dalam pengendalian premisnya;
- (b) menjalankan apa-apa kerja di mana-mana premis yang boleh mewujudkan suatu punca pengeluaran;

- (c) membina atas mana-mana tanah, apa-apa bangunan atau premis yang direka bentuk atau yang digunakan bagi tujuan yang boleh mewujudkan suatu punca pengeluaran yang baru;
- (d) membuat, menyebabkan, atau membenarkan untuk dibuat sebarang perubahan bagi, pada atau dalam mana-mana loji, mesin atau peralatan yang digunakan atau yang dipasang di premis itu yang menyebabkan perubahan material dalam kuantiti atau kualiti pengeluaran daripada suatu punca yang sedia ada; atau
- (e) menjalankan apa-apa perubahan atau pengubahsuaian kepada sistem kawalan pencemaran udara yang sedia ada.

(2) Pemberitahuan bertulis itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum kerja tersebut dimulakan.

Langkah untuk mengurangkan pengeluaran

6. Pemunya atau penduduk premis yang terlibat dalam apa-apa aktiviti atau industri yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan pengeluaran pencemar udara ke udara menurut Teknik Terbaik Yang Ada Yang Boleh Dicapai Dengan Hemat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Sistem kawalan pencemaran udara

7. (1) Tiap-tiap premis hendaklah dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran udara mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemunya atau penduduk premis hendaklah melantik jurutera profesional untuk mereka bentuk dan menyelia pembinaan sistem kawalan pencemaran udara.

(3) Pemunya atau penduduk premis hendaklah mengendalikan dan menyelenggarakan sistem kawalan pencemaran udara mengikut amalan kejuruteraan yang menyeluruh dan memastikan bahawa semua komponen sistem kawalan pencemaran udara berfungsi dengan baik.

(4) Pengendalian sistem kawalan pencemaran hendaklah diselia oleh orang yang berwibawa yang hendaklah bertugas di sepanjang masa sistem kawalan pencemaran udara beroperasi.

(5) Pemunya atau penduduk premis dan jurutera profesional hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari selepas permulaan operasi di premis itu, mengemukakan suatu perisytiharan bertulis kepada Ketua Pengarah, dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, yang mengesahkan bahawa reka bentuk dan pembinaan sistem kawalan pencemaran udara telah mematuhi spesifikasi yang disebut dalam subperaturan (1).

(6) Pemunya atau penduduk premis hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari selepas permulaan operasi di premis itu, mengemukakan kepada Ketua Pengarah, lukisan sebagaimana binaan yang menunjukkan kedudukan mana-mana kerja atau sruktur yang menjadi sebahagian daripada alat pengawalan pencemaran udara.

Kegagalan dalam pengendalian sistem kawalan pencemaran udara

8. Dalam hal kegagalan dalam pengendalian sistem kawalan pencemaran udara, Ketua Pengarah hendaklah diberitahu tidak lebih daripada satu jam daripada berlakunya kegagalan tersebut.

Pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara

9. Pemunya atau penduduk premis hendaklah—

(a) melengkapkan premis dengan kemudahan, kelengkapan atau peralatan yang berkaitan bagi menjalankan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara; dan

- (b) menjalankan pemantauan prestasi bagi komponen sistem kawalan pencemaran udara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Penyenggaraan rekod

10. (1) Pemunya atau penduduk premis hendaklah menyenggarakan rekod bagi proses pengilangan, dan bagi penyenggaraan dan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Rekod itu hendaklah disimpan bagi sekurang-kurangnya tiga tahun dan hendaklah disediakan untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah.

Perubahan dalam penghunian

11. Jika seseorang menjadi penduduk mana-mana premis yang dilesenkan di bawah seksyen 11 Akta sebagai ganti seseorang yang lain, maka syarat dan sekatan lesen itu hendaklah mengikat penduduk yang baru itu bermula daripada perubahan penghunian walaupun penduduk baru itu tidak memohon bagi pemindahan lesen itu atau permohonannya bagi pemindahan lesen itu belum ditentukan.

Kelegapan

12. (1) Pemunya atau penduduk premis tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan pengeluaran yang—

(a) lebih gelap daripada kegelapan No. 1 dalam Carta Ringelmann apabila diperhatikan atau dicatat dengan peralatan atau alat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah; atau

(b) kelegapannya lebih daripada 20% apabila diukur dengan transmisiometer.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai—

(a) jika pengeluaran tidak lebih gelap daripada kegelapan No. 2 dalam Carta Ringelmann selama agregat yang kurang daripada lima minit dalam mana-mana tempoh satu jam, dengan syarat bahawa tempoh keseluruhan pengeluaran itu tidak melebihi agregat lima belas minit dalam mana-mana tempoh dua puluh empat jam;

(b) dalam hal keadaan permulaan jika pengeluaran tidak lebih gelap daripada kegelapan No. 2 dalam Carta Ringelmann.

(3) Mana-mana premis yang mengeluarkan habuk sebanyak 2.5 kilogram sejam atau lebih atau yang berpotensi untuk mengeluarkan asap yang lebih gelap daripada kegelapan No. 2 dalam Carta Ringelmann hendaklah memasang dan mengendalikan transmisiometer mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(4) Purata masa bagi pengukuran kegelapan dengan menggunakan transmisiometer adalah satu minit.

(5) Bagi maksud perenggan (1)(b), pemunya atau penduduk mana-mana premis yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah hendaklah memasang dan mengendalikan transmisiometer mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

Nilai batas dan standard teknikal

13. (1) Segala aktiviti dan industri yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah mematuhi nilai batas dan standard teknikal yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Melainkan jika ditetapkan selainnya, pengeluaran hendaklah dihitung dari segi jisim pencemar bagi setiap isi padu gas buangan (yang dinyatakan sebagai mg/m^3), dengan mengguna pakai keadaan standard bagi suhu dan tekanan bagi gas kering (isi padu pada 273 K, 101.3 kPa).

(3) Walau apa pun subperaturan (1), apa-apa peralatan pembakaran bahanapi yang dikadarkan akan menggunakan bahanapi berdebu atau apa-apa bahanapi pepejal pada 30 kilogram atau lebih dalam tempoh sejam atau apa-apa bahan cecair atau gas pada 15 kilogram atau lebih dalam tempoh sejam hendaklah mematuhi nilai batas dan standard teknikal yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(4) Bagi maksud peraturan ini, nilai ambang yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga dicapai apabila jumlah kapasiti satu atau lebih kemudahan bagi sesuatu kategori aktiviti tertentu dalam premis yang sama melebihi nilai ambang yang berkenaan bagi kategori tersebut.

(5) Nilai batas dan standard teknikal bagi pengeluaran dioksin dan furan dinyatakan sebagai padanan ketoksikan 2, 3, 7, 8 tetraklorin dibenzo-para-dioksin yang dihitung melalui penjumlahan kepekatan setiap 2, 3, 7, 8 kongener dalam sampel yang didarabkan dengan Faktor Padanan Ketoksikan (TEFs) yang sewajarnya sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Larangan mengenai pencairan pengeluaran

14. (1) Tiada seorang pun boleh mencairkan, atau menyebabkan atau membenarkan untuk dicairkan, apa-apa pengeluaran pada bila-bila masa atau di mana-mana sebelum ia dikeluarkan ke udara.

(2) Pengeluaran menjadi tercair apabila ia menjalani proses untuk menjadikannya kurang pekat dengan menambah oksigen atau gas lain daripada punca luar sebelum pengeluarannya ke udara.

Bahan berbahaya

15. (1) Pemunya atau penduduk premis hendaklah menggunakan cara terbaik yang boleh dipraktikkan bagi mencegah pengeluaran bahan berbahaya dan bagi menjadikan bahan yang perlu dilepaskan itu tidak berbahaya dan tidak mengganggu.

(2) Dalam hal penggunaan atau pengendalian atau pelepasan yang tidak disengajakan bagi bahan berbahaya atau toksik, nilai batas dan standard teknikal yang ditetapkan dalam Jadual Kelima hendaklah terpakai.

Pemantauan berkala

16. (1) Pemunya atau penduduk premis hendaklah menjalankan pemantauan berkala jika dikehendaki di bawah Jadual yang berkenaan.

(2) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Ketua Pengarah, pemantauan berkala hendaklah dijalankan setahun sekali dan hendaklah dijalankan oleh orang yang berwibawa.

(3) Pemunya atau penduduk premis hendaklah memastikan bahawa pemantauan pertama bagi kemudahan baru dijalankan selepas tiga bulan, tetapi tidak lebih daripada enam bulan, daripada permulaan operasi premis itu.

(4) Pemunya atau penduduk premis hendaklah mengemukakan laporan pemantauan berkala mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan apa-apa sampel hendaklah dianalisis oleh makmal bertauliah.

(5) Apa-apa rekod pemantauan berkala di bawah peraturan ini hendaklah disimpan untuk sekurang-kurangnya tiga tahun dan hendaklah disediakan untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah.

Pemantauan pengeluaran secara berterusan

17. (1) Sebagai tambahan kepada pemantauan berkala di bawah peraturan 16, pemunya atau penduduk premis hendaklah menjalankan pemantauan pengeluaran secara berterusan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan Ketiga.

(2) Bagi maksud pemantauan pengeluaran secara berterusan, alat pengukuran hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Bagi pemantauan pengeluaran secara berterusan, nilai batas adalah dipatuhi jika penilaian keputusan bagi tempoh pengendalian dalam satu tahun mana-mana kalendar menunjukkan bahawa tiada purata harian yang melebihi standard pengeluaran, dan tiada purata bagi setengah jam yang melebihi standard pengeluaran lebih daripada dua kali.

(4) Pemunya atau penduduk premis hendaklah membuat penilaian bagi pemantauan pengeluaran secara berterusan dalam suatu tahun kalendar, di mana bagi setiap hari kalendar, nilai min harian yang berkaitan dengan waktu operasi harian hendaklah diperoleh daripada nilai min bagi setengah jam.

(5) Pemunya atau penduduk premis hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah keputusan penilaian dalam tempoh tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kalendar, dan keputusan penilaian tersebut hendaklah disimpan dan disenggarakan oleh pemunya atau penduduk untuk sekurang-kurangnya tiga tahun.

(6) Dalam hal yang standard pengeluaran melebihi nilai batas yang ditetapkan, pemunya atau penduduk premis hendaklah memberitahu Ketua Pengarah dalam tempoh dua puluh empat jam daripada penemuan pengeluaran yang berlebihan itu.

(7) Dalam hal alat pemantauan gagal beroperasi, pemunya atau penduduk premis hendaklah memberitahu Ketua Pengarah tidak lewat daripada satu jam daripada berlakunya kegagalan itu.

Perisytiharan pengeluaran

18. (1) Pemunya atau penghuni premis yang menjalankan mana-mana aktiviti atau industri yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah bagi tiap-tiap tahun kalendar mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu perisytiharan pengeluaran dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Perisytiharan pengeluaran itu hendaklah dikemukakan seperti yang berikut:

(a) dalam hal premis sedia ada, perisytiharan pengeluaran hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada lapan belas bulan daripada tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa; dan

(b) dalam hal premis baru, perisytiharan pengeluaran yang pertama hendaklah dikemukakan dua belas bulan selepas tarikh kemudahan itu mula beroperasi, tetapi tidak lewat daripada lapan belas bulan daripada tarikh tersebut.

(3) Dalam hal perubahan penghunian, pemunya atau penduduk baru hendaklah mengemukakan perisytiharan pengeluaran bagi tahun kalendar yang berikutnya.

Pemunya atau penduduk premis hendaklah memberikan bantuan

19. Pemunya atau penduduk premis yang diperiksa oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah hendaklah menyediakan segala bantuan dan kemudahan yang munasabah yang ada di premis itu, termasuk tenaga kerja, peralatan, alat dan alatan, yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah.

Kegagalan peralatan kawalan dan kehendak kecemasan

20. Jika pada pendapat Ketua Pengarah kegagalan dalam pengendalian mana-mana premis, loji, mesin atau peralatan, atau apa-apa peralatan kawalan yang digunakan atau yang dipasang di mana-mana premis boleh menyebabkan pengumpulan pencemar udara sehingga ke suatu takat yang boleh mengancam kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, atau kualiti alam sekeliling, Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk premis itu—

- (a) mengemukakan suatu pelan tindak balas kecemasan yang menyeluruh yang memperincikan kehendak mengenai peralatan, bahan kimia dan kakitangan, serta langkah-langkah yang hendaklah diambil oleh pihak yang terlibat sekiranya berlaku kecemasan sedemikian;
- (b) memasang sistem amaran atau sistem berjaga-jaga untuk awam;
- (c) menyimpan stok peralatan atau bahan kimia yang mencukupi yang dikehendaki dalam kecemasan sedemikian; dan
- (d) mematuhi apa-apa arahan lain yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah dalam menangani kecemasan sedemikian.

Pengeluaran yang tidak disengajakan

21. (1) Dalam hal kejadian suatu pengeluaran yang tidak disengajakan di premis itu, pemunya atau penduduk premis hendaklah memberitahu Ketua Pengarah mengenai kejadian itu dengan segera apabila pengeluaran yang tidak disengajakan itu dikesan.

(2) Pemunya atau penduduk premis hendaklah, setakat yang munasabah, membendung, membersihkan atau memberhentikan pengeluaran yang tidak disengajakan itu mengikut cara yang memuaskan hati Ketua Pengarah.

Pemasangan dan pengendalian mengikut kehendak Ketua Pengarah

22. (1) Sebagai tambahan kepada mana-mana peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki pemunya atau penduduk premis—

- (a) mengukur, mengambil sampel, menganalisis, memantau, merekod dan melaporkan apa-apa bahan yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar udara atau pengeluaran yang mengandungi pencemar;

- (b) mematuhi nilai batas, parameter atau langkah teknikal yang setara yang lebih ketat daripada yang ditetapkan dalam Jadual-Jadual;
- (c) menggunakan jenis bahanapi yang tertentu; atau
- (d) mengambil apa-apa tindakan lain yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah,

dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Subperaturan (1) hendaklah terpakai jika, pada pendapat Ketua Pengarah, syarat atau standard yang ditetapkan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini tidak dapat melindungi kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, atau kualiti alam sekeliling, dengan secukupnya disebabkan oleh—

- (a) pengumpulan atau kepekatan pencemar udara di kawasan tertentu;
- (b) dekatnya kawasan kediaman dengan premis yang menjalankan aktiviti yang melepaskan atau yang berupaya melepaskan pencemar udara ke udara; atau
- (c) keadaan yang, berdasarkan Teknik Terbaik Yang Ada Yang Boleh Dicapai Dengan Hemat, syarat atau standard yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak mencukupi, telah diatasi atau dijangka akan diatasi.

Kaedah standard bagi pengambilan sampel dan penganalisan pengeluaran

23. Pengambilan sampel dan analisis pencemar hendaklah dijalankan mengikut Piawaian Malaysia MS 1596 atau MS 1723 atau Kaedah-Kaedah yang diterbitkan oleh Agensi Perlindungan Alam Sekeliling Amerika Syarikat atau apa-apa standard lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Perintah larangan

24. (1) Dalam hal apa-apa kejadian yang tidak diingini yang ditetapkan dalam Jadual Keenam, dan jika pada pendapat Ketua Pengarah, pengendalian berterusan mana-mana premis atau proses yang berkenaan tidak patut dibenarkan demi untuk melindungi kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis mengeluarkan suatu perintah kepada pemunya atau penduduk premis bagi melarang pengendalian premis atau proses itu, sama sekali atau secara bersyarat, atau bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan olehnya, atau sehingga kehendak pemulihan sebagaimana yang diarahkan olehnya telah dipatuhi.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), suatu salinan perintah larangan Ketua Pengarah hendaklah ditampal di tempat yang mudah dilihat di sekitar premis yang dimaksudkan dalam perintah larangan tersebut, dan tiada seseorang pun boleh mengendalikan premis itu sehingga perintah larangan ditarik balik.

Keperluan lesen untuk melanggar syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran pencemar ke udara

25. (1) Pemunya atau penduduk premis boleh memohon bagi lesen di bawah subseksyen 22(1) Akta untuk melanggar syarat-syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran pencemar ke udara yang ditetapkan dalam peraturan 12 and 13.

(2) Permohonan bagi lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) laporan mengenai pencirian pengeluaran pencemar; dan

(b) fi lesen yang ditetapkan dalam peraturan 27.

Jadual tindakan yang dikehendaki

26. (1) Jika pada pendapat Ketua Pengarah hal keadaan sekitar sesuatu kegagalan untuk mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam atau yang ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan ini mewajarkannya sedemikian, Ketua Pengarah boleh

mengeluarkan suatu jadual tindakan yang dikehendaki untuk pemunya atau penduduk premis mencapai pematuhan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

(2) Jadual tindakan yang dikehendaki hendaklah menetapkan standard interim yang boleh menghendaki pengurangan tahap operasi sementara menunggu pemasangan peralatan kawalan yang mencukupi dan boleh menetapkan suatu siri tempoh tamat bagi pemasangan peralatan kawalan tertentu.

(3) Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat atau tempoh tamat yang ditetapkan dalam jadual tindakan yang dikehendaki itu hendaklah menyebabkan pemunya atau penduduk premis boleh dikenakan penalti yang ditetapkan bagi pelanggaran yang asal.

Fi

27. (1) Permohonan bagi lesen, termasuk bagi pembaharuan lesen di bawah peraturan 25, hendaklah disertakan dengan fi sebanyak satu ribu ringgit dan tidak boleh dikembalikan.

(2) Pembayaran fi hendaklah dibuat secara kiriman wang, wang pos, draf bank atau pembayaran elektronik kepada Ketua Pengarah yang hendaklah mengeluarkan resit atas pembayaran.

Maklumat yang palsu atau mengelirukan

28. Mana-mana orang yang memberi apa-apa maklumat di bawah Peraturan-Peraturan ini yang orang itu tahu adalah palsu atau, mengelirukan tentang sesuatu perkara matan, maka orang itu adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

Penalti

29. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh

dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan

30. (1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 [*P.U. (A) 280/1978*] dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Dioksin dan Furan) 2004 [*P.U. (A) 104/2004*] dibatalkan (selepas ini disebut sebagai “Peraturan-Peraturan yang dibatalkan”).

(2) Mana-mana permohonan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan bagi suatu lesen untuk melanggar syarat-syarat yang boleh diterima, termasuk mana-mana pembaharuan atau pindah milik lesen, dan mana-mana permohonan bagi kebenaran bertulis yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diperlakukan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan bagi maksud itu permohonan tersebut hendaklah disifatkan seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

(3) Segala lesen yang dikeluarkan dan kebenaran bertulis yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, terus kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, dipinda, digantung atau dibatalkan atau kebenaran bertulis itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan bagi maksud itu lesen dan kebenaran bertulis tersebut hendaklah disifatkan seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

(4) Peruntukan Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang berhubungan dengan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran pencemar udara ke udara hendaklah terus terpakai bagi tempoh lima tahun selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini jika pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini—

- (a) apa-apa kerja atas apa-apa pembinaan apa-apa sistem kawalan pengeluaran belum dimulakan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh kebenaran bertulis dikeluarkan untuk pembinaannya sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini;
- (b) apa-apa kerja atas apa-apa pembinaan apa-apa sistem kawalan pengeluaran telah dimulakan tetapi belum siap sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini; atau
- (c) apa-apa kerja atas apa-apa pembinaan apa-apa sistem kawalan pengeluaran telah siap tetapi belum mula beroperasi sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(5) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang dimulakan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diteruskan dan diselesaikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan bagi maksud itu hendaklah disifatkan seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

JADUAL PERTAMA
[Peraturan 6 dan 13]

AKTIVITI DAN INDUSTRI YANG TERTAKLUK KEPADA TEKNIK TERBAIK YANG ADA
YANG BOLEH DICAPAI DENGAN HEMAT

1. Pembakaran bahanapi, termasuk penjanaan kuasa dan haba dalam dandang, turbin pembakaran atau set penjana bagi gabungan pengeluaran haba dan kuasa.

Pembakaran bahanapi: Penjanaan haba dan kuasa dalam: Dandang atau turbin gas dengan jumlah kapasiti > 10 MWe; Set penjana bagi gabungan pengeluaran haba dan kuasa dengan jumlah kapasiti \geq 3 MWe.
2. Pengeluaran dan pemprosesan logam ferus (kilang besi dan keluli) bagi semua saiz, termasuk:
 - (a) kemudahan bagi pemanggangan atau pensinteran bijih logam;
 - (b) kemudahan bagi pengeluaran besi jongkong atau keluli (pelakuran primer atau sekunder) termasuk tuangan berterusan; dan
 - (c) kemudahan bagi pemprosesan logam ferus (kilang pengelekan panas).
3. Foundri logam ferus dengan kapasiti \geq 1 tan logam lebur setiap hari.
4. Pengeluaran dan pemprosesan logam bukan ferus dengan kapasiti \geq 0.5 tan setiap hari untuk plumbum atau kadmium, atau \geq 2 tan setiap hari untuk logam lain.
5. Industri minyak dan gas bagi semua saiz, termasuk kilang penapisan, pemprosesan dan penyimpanan gas asli, penyimpanan dan pengendalian produk petroleum.

6. Industri bukan logam (mineral) dalam pembuatan simen bagi semua saiz, termasuk:
 - (a) pengilangan kaca, termasuk gentian kaca dengan kapasiti ≥ 1 tan produk setiap hari; dan
 - (b) pengilangan produk seramik secara pembakaran, terutama jubin bumbung, kaca seramik, batu bata, batu bata refraktori, jubin, barang tembikar atau porselin dengan kapasiti ≥ 10 tan produk setiap hari.
7. Semua loji tetap pencampuran asfalt.
8. Industri pulpa dan kertas, termasuk pengitaran semula kertas bagi semua saiz.
9. Industri kimia dan petrokimia bagi semua saiz, termasuk:
 - (a) pengeluaran bahan kimia tak organik, termasuk gas (ammonia, klorin, hidrogen klorida, sulfur dioksida); asid (asid hidrofluorik, asid fosforik, asid nitrik, asid hidroklorik, asid sulfurik, oleum), alkali, garam dan baja (NPK);
 - (b) pengeluaran bahan kimia organik, termasuk hidrokarbon, monomer vinil klorida (VCM), oksigen yang mengandungi hidrokarbon bersulfur, bernitrogen atau berfosforus, bahan asas plastik, getah sintetik, pewarna dan ejen permukaan aktif dan surfaktan;
 - (c) pengeluaran produk farmaseutikal, loji produk kesihatan dan biosid; dan
 - (d) pencampuran dan pembungkusan bahan kimia, racun makhluk perosak, produk farmaseutikal dengan kapasiti ≥ 5 tan produk sehari.

10. Penggunaan pelarut dalam industri: Kemudahan bagi rawatan permukaan bahan, objek atau produk yang menggunakan pelarut organik, terutamanya untuk pembalutan, percetakan, penyalutan, penyahgrisan, pengalisan air, pensapaian, pengecatan, pencucian atau penjejalan, pengekstrakan lemak, dengan kapasiti penggunaan pelarut melebihi 200 tan setahun.
11. Pembakar bahan buangan bagi semua saiz.

JADUAL KEDUA
[Peraturan 13]

NILAI BATAS DAN STANDARD TEKNIKAL (AM)

(I) Kawalan terhadap peralatan pembakaran bahanapi, pembakar dan krematorium

1. Kawalan kualiti bahanapi untuk peralatan pembakaran bahanapi dan pembakar yang tidak diliputi oleh Jadual Pertama:

Jenis bahanapi	Bahanapi	Parameter kualiti bahanapi
Cecair	Semua	Kandungan sulfur < 500 ppm (per berat)
Pepejal	Batu arang	Kandungan sulfur < 1% (per berat)
	Biojisim	Kayu, bahan buangan pertanian, dsb.: yang dikeringudarkan dan dalam komposisi semulajadinya (contoh, kayu tidak bersalut, bercat atau perawatan lain)
		Sisa daripada industri berasaskan kayu: tanpa pengawet kayu

2. Pengeluaran pembakaran daripada peralatan pembakaran bahanapi dan pembakar yang tidak diliputi oleh Jadual Pertama:

Kandungan rujukan CO₂ ialah 12%.

Jenis bahanapi	Pencemar	Nilai batas	Pemantauan
Cecair	Jumlah jirim zarah (PM) Di mana beban habuk dikeluarkan: <i>(a)</i> > 0.33 < 1.0 kg/jam <i>(b)</i> ≥ 1.0 kg/jam	50 mg/m ³	Sekali/tahun 2 kali/tahun
Pepejal	Jumlah jirim zarah (PM) Di mana beban habuk dikeluarkan: <i>(a)</i> > 0.44 < 1.0 kg/jam <i>(b)</i> ≥ 1.0 < 1.5 kg/jam <i>(c)</i> ≥ 1.5 < 2.0 kg/jam <i>(d)</i> ≥ 2.0 < 2.5 kg/jam <i>(e)</i> ≥ 2.5 kg/jam	150 mg/m ³	Sekali/tahun 2 kali/tahun 3 kali/tahun 4 kali/tahun Berterusan*
	Karbon monoksida (CO)	1000 mg/m ³	Berkala

*Purata masa bagi pemantauan secara berterusan ialah 30 minit

NOTA:

Dalam hal dandang, kecekapan haba hendaklah sekurang-kurangnya 90%.

(II) Kawalan pelepasan NMVOC

1. Saluran keluar (lohong, saluran keluar ekzos, dsb.) yang mempunyai potensi untuk mengeluarkan NMVOC hendaklah mematuhi:

(a) 20 mg/m³ (ditunjukkan sebagai jumlah karbon organik) dalam hal hidrokarbon berhalogen; dan

(b) 150 mg/m³ (ditunjukkan sebagai jumlah karbon organik) selain daripada hidrokarbon berhalogen.

2. Nilai batas perlu diukur secara berkala.

(III) Kawalan pengeluaran fugitif

Pengeluaran fugitif NMVOC dan habuk hendaklah diminimumkan mengikut Dokumen Panduan mengenai Kawalan Pengeluaran Fugitif (*Guidance Document on Fugitive Emission Control*).

(A) Pengeluaran fugitif NMVOC

1. Pengeluaran NMVOC daripada penggunaan pelarut hendaklah diminimumkan melalui langkah-langkah pengurusan yang baik dan penggunaan sistem tertutup. Pengeluaran daripada penyimpanan dan pengendalian hendaklah, setakat yang boleh dilaksanakan,
 - (a) diperangkap dan disalur kepada peralatan pemberhentian; atau
 - (b) diperangkap melalui sistem pemulihan wap.
2. Sisa pelarut hendaklah dikendalikan, diangkut dan dipindahkan daripada sesuatu kemudahan dalam sistem tertutup.
3. Pengeluaran fugitif daripada pam, pemampat, sambungan bebibir, dsb. hendaklah diminimumkan melalui pengadang dan sendi selaras yang canggih mengikut Dokumen Panduan mengenai Kawalan Pengeluaran Fugitif (*Guidance Document on Fugitive Emission Control*).
4. Stesen servis hendaklah dikendalikan dengan sistem pemulihan wap. Pemandahan wap semasa pengisian tangki simpanan minyak petrol hendaklah dipindahkan sama ada ke dalam tangki simpanan lain atau ke dalam peralatan penghapusan.

5. Pengeluaran fugitif daripada cucian kering tekstil tidak boleh melebihi 20g pelarut setiap kilogram bagi pakaian yang dibersihkan dan dikeringkan. Pelarut berhalogen hendaklah diperoleh semula. Penapis untuk pemulihan pelarut hendaklah dijana semula.

(B) *Pengeluaran fugitif habuk*

1. Kehendak yang sesuai hendaklah dibuat bagi pengurangan pengeluaran berhubung dengan kemudahan di mana bahan pepejal dimuat atau dipunggah, dinaikkan, dibawa, dikerjakan, disediakan atau disimpan sekiranya bahan tersebut boleh menyebabkan pengeluaran habuk disebabkan oleh ketumpatan, agihan saiz butiran, bentuk bijian, keadaan permukaan, ketahanan lelasan, rintangan ricih, rintangan terhadap keretakan, komposisi atau disebabkan oleh kandungan kelembapannya yang rendah.
2. Kawalan pengeluaran fugitif habuk hendaklah dicapai melalui pengurusan yang baik dan peralatan yang sesuai sebagaimana yang digariskan dalam Dokumen Panduan mengenai Kawalan Pengeluaran Fugitif (*Guidance Document on Fugitive Emission Control*).

JADUAL KETIGA
[Peraturan 13]

NILAI BATAS DAN STANDARD TEKNIKAL (MENGIKUT AKTIVITI ATAU INDUSTRI)

Dalam Jadual ini, “Padanan Ketoksikan” atau “TEQ” ertinya padanan ketoksikan dibandingkan dengan 2, 3, 7, 8 tetraklorin dibenzo-para-dioksin yang juga dikenali sebagai 2, 3, 7, 8 tetraklorodibenzodioksin atau 2, 3, 7, 8 TCDD.

A. *PENJANAAN HABA DAN KUASA*

1. Dandang

Kandungan rujukan O₂ ialah 6% untuk bahanapi pepejal dan 3% untuk lain-lain.

Jenis bahanapi	Pencemar	Kapasiti	Nilai batas	Pemantauan
Bahanapi pepejal dan cecair	Jumlah SO ₂ dan SO ₃ dinyatakan sebagai SO ₂	>10 MW _e	500 mg/m ³	Berterusan*
	Jumlah NO dan NO ₂ dinyatakan sebagai NO ₂	>10 MW _e	500 mg/m ³	Berterusan*
	Hidrogen klorida (HCl)	>10 - <100 MW _e	200 mg/m ³	Berkala
	Hidrogen klorida (HCl)	≥100 MW _e	100 mg/m ³	Berkala
	Hidrogen fluorida (HF)	>10 - <100 MW _e	30 mg/m ³	Berkala
	Hidrogen fluorida (HF)	≥100 MW _e	15 mg/m ³	Berkala
	Karbon monoksida (CO)	> 10 MW _e	200 mg/m ³	Berterusan*
	Jumlah jirim zarah (PM)	> 10 MW _e	50 mg/m ³	Berterusan*
	Merkuri (Hg)	> 10 MW _e	0.03 mg/m ³	Berkala
	PCDD/PCDF	> 10 MW _e	0.1 ng TEQ/m ³	Berkala
Bahanapi gas	Jumlah NO dan NO ₂ dinyatakan sebagai NO ₂	> 10 MW _e	350 mg/m ³	Berterusan*
	Karbon monoksida (CO)	> 10 MW _e	50 mg/m ³	Berterusan*
	Jumlah jirim zarah (PM)	> 10 MW _e	5 mg/m ³	Berkala

* Purata masa bagi pemantauan secara berterusan ialah 30 minit

2. Turbin pembakaran

Kandungan rujukan O₂ ialah 15%.

Jenis bahanapi	Pencemar	Kapasiti pada keadaan ISO	Nilai batas	Pemantauan
Bahanapi gas	Jumlah NO dan NO ₂ dinyatakan sebagai NO ₂	> 10 MW _e	150 mg/m ³	Berterusan*
	Karbon monoksida (CO)	> 10 MW _e	100 mg/m ³	Berterusan*
Bahanapi cecair	Jumlah NO dan NO ₂ dinyatakan sebagai NO ₂	> 10 MW _e	200 mg/m ³	Berterusan*
	Karbon monoksida (CO)	> 10 MW _e	100 mg/m ³	Berterusan*

* Purata masa bagi pemantauan secara berterusan ialah 30 minit

3. Set penjana untuk gabungan pengeluaran haba dan kuasa dengan jumlah keluaran terma ≥ 3 MW_e:

Kandungan rujukan O₂ ialah 5%.

Jenis bahanapi	Pencemar	Kapasiti	Nilai batas	Pemantauan
Bahanapi cecair atau gas	Jumlah NO dan NO ₂ dinyatakan sebagai NO ₂	≥ 3 MW _e	600 mg/m ³	Berkala
	Karbon monoksida (CO)	≥ 3 MW _e	650 mg/m ³	Berkala
	Jumlah jirim zarah (PM)	≥ 3 MW _e	80 mg/m ³	Berkala

B. PENGELUARAN DAN PEMROSESAN LOGAM FERUS (KILANG BESI DAN KELULI)

Punca	Pencemar	Nilai batas	Pemantauan
Loji sinter (gas buangan daripada kawasan sinter)	Jumlah SO ₂ dan SO ₃ dinyatakan sebagai SO ₂	500 mg/m ³	Berterusan*
	Jumlah NO dan NO ₂ dinyatakan sebagai NO ₂	400 mg/m ³	Berterusan*
	Jumlah jirim zarah (PM)	50 mg/m ³	Berterusan*
	Jumlah plumbum sebagai Pb	1 mg/m ³	Berkala
	NM VOC	75 mg/m ³	Berkala
	PCDD/PCDF	0.1 ng TEQ/m ³	Berkala
Ketuhar arang kok (@ 5% O ₂)	Jumlah jirim zarah (PM)	10 mg/m ³	Berterusan*
	Jumlah NO dan NO ₂ dinyatakan sebagai NO ₂	500 mg/m ³	Berkala
	Sebatian sulfur sebagai S	800 mg/m ³	Berkala
Relau bagas (Penjana semula; @ 3% O ₂)	Jumlah jirim zarah (PM)	50 mg/m ³	Berterusan*

Relau oksigen asas (gas penukar)	Jumlah jirim zarah (PM)	50 mg/m ³	Berterusan*
Relau arka elektrik	Jumlah jirim zarah (PM)	50 mg/m ³	Berterusan*
Mesin penggelek: Relau rawatan terma (@ 5% O ₂)	Jumlah NO dan NO ₂ dinyatakan sebagai NO ₂	500 mg/m ³	Berkala

* Purata masa bagi pemantauan secara berterusan ialah 30 minit

NOTA:

1. *Bahagian atas relau bagas gas dan penukar gas hendaklah dikitar semula secara aktif. Sekiranya gas ini tidak boleh dikitar semula atas sebab keselamatan atau sewaktu kecemasan, ia hendaklah disalurkan ke dalam api menyala.*
